

TARIKH : 7 OKTOBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 7
SURAT

157 projek sakit babit 18 kementerian bawah RMK12

Laporan Ketua Audit Negara

157 projek sakit babit 18 kementerian bawah RMK12

Setiap jabatan diminta pastikan program dirancang siap menjelang akhir 2025

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 mendedahkan 157 projek kerajaan dikenal pasti lewat jadual (projek sakit) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) membabitkan 18 kementerian setakat 31 Disember 2024.

Laporan itu turut mendedahkan bahawa empat projek sakit mencatat kelewatan fizikal melebihi 20 peratus dan sudah menerima antara dua hingga 10 Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) dengan tempoh lanjutan sehingga 785 hari.

Prestasi perbelanjaan projek itu bagi tempoh 2021 hingga 2024 adalah sebanyak RM315.932 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM307.908 bilion bagi tempoh yang sama.

Jumlah itu juga mencecah 76.1 peratus daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415.0 bilion bagi tempoh RMK12 selepas Kajian Separuh Penggal RMK12.

Kementerian Pendidikan (KPM) merekodkan bilangan tertinggi projek lewat jadual di bawah RMK12 sebanyak 46 projek, diikuti Kementerian Kemajuan



Setiap kementerian diminta mengambil tindakan memastikan projek dirancang dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir 2025. (Foto hiasan)

Desa dan Wilayah (KKDW) sebanyak 34 projek, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (12 projek) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan 11 projek.

Justeru itu, bagi memastikan pelaksanaan projek RMK12 dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan (2025 tahun terakhir RMK12), setiap kementerian atau jabatan hendaklah mengambil

tindakan penyelesaian segera terhadap projek lewat jadual di bawah RMK12 bagi memastikan projek yang dirancang dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir 2025.

Secara keseluruhan, 8,755 projek pembangunan dilaksanakan di bawah Rancangan Pelaksanaan Keempat (RP4) RMK12.

Daripada jumlah itu, 3,829 projek (43.7 peratus) berada pada

peringkat pelaksanaan, 2,400 projek (27.4 peratus) di peringkat pra pelaksanaan, manakala 2,355 projek (26.9 peratus) sudah di peringkat pasca pelaksanaan.

2,597 projek ikut jadual

Selain itu, 171 projek (dua peratus) pula terdiri daripada 109 projek berstatus batal dan 62 projek berstatus simpan dalam perhatian.

Bagi projek yang sedang dalam pelaksanaan, 2,597 projek (67.8 peratus) dilaporkan berjalan mengikut jadual, 719 projek (18.8 peratus) mendahului jadual, 157 projek (4.1 peratus) lewat jadual (sakit), 114 projek (tiga peratus) lewat jadual dan 242 projek (6.3 peratus) dilapor tiada kemajuan.

Prestasi perbelanjaan projek bagi tempoh 2021 hingga 2024 adalah sebanyak RM315.932 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM307.908 bilion bagi tempoh yang sama.

Jumlah itu mencecah 76.1 peratus daripada jumlah siling peruntukan RM415.0 bilion bagi tempoh RMK12 selepas Kajian Separuh Penggal RMK12.

KPM ambil perhatian laporan projek tertangguh

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai projek pembangunan pendidikan yang tertangguh di seluruh negara.

Dalam satu kenyataan semalam, KPM berkata, antara langkah yang dilaksanakan adalah pemantauan rapi di tapak dan melalui mekanisme penyelarasan pelaksanaan pembangunan negara.

Selain itu, sesi libat urus secara berkala turut diadakan dengan semua pemegang taruh, termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan penyedia utiliti.

"Terkini, 17 daripada 46 projek berstatus lewat yang dilaporkan LKAN telah berjaya disiapkan, manakala 19 projek berada dalam pelbagai status pelaksanaan iaitu tiga projek Dahulu Jadual (DJ), lapan projek Ikut Jadual (IJ), tiga projek Lewat Jadual (LJ) dan lima projek tender semula. Baki 10 projek masih kekal berstatus lewat (sakit).

"KPM sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan projek pembangunan dilaksanakan dengan baik mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan demi manfaat seluruh masyarakat," katanya.